

26 NOV 1998

LINDUNG NILAI-DANA

GABENOR RESERVE BANK SOKONG MAHATHIR TENTANG DANA LINDUNG NILAI

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 26 Nov (Bernama) -- Gobenor Reserve Bank of Australia (RBA) Ian Macfarlane mengulangi kritikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai peranan yang dimainkan oleh dana-dana lindung nilai di dalam krisis ekonomi Asia.

Berucap kepada Jawatankuasa bagi Pembangunan Ekonomi Australia di sini semalam, Macfarlane berkata, "Dana-dana lindung nilai telah menjadi anak-anak istimewa kewangan antarabangsa, berhak kepada faedah-faedah pasaran bebas tanpa sebarang tanggung jawab."

Katanya dana-dan lindung nilai, yang mampu meminjam dan berbelanja pada paras dana yang amat tinggi menggunakan asas modal yang kecil, telahpun menghuru harakan pasaran matawang Australia, di mana dolar Australia telah diturunkan ke paras paling rendah dalam 12 tahun berbanding dolar AS pada Jun dan sekali lagi lewat Ogos/Sept.

Macfarlane berkata terdapat persetujuan yang meluas di dalam badan dasar Barat bahawa perubahan-perubahan besar diperlukan untuk memperbaiki sistem kewangan antarabangsa.

"Kehebatan penguncupan di Asia adalah contoh paling menonjol, tetapi begitu juga pengiktirafan mendadak yang dana lindung nilai menjadi begitu penting sehinggakan kegagalannya boleh menghadapi ancaman bersistem kepada Amerika Syarikat dan ekonomi antarabangsa.

"Hakikat bahawa kadar tukaran kedua paling penting di dunia, kadar dolar AS/yen, boleh bergerak sebanyak 20 peratus dalam sesuatu bulan tanpa perubahan material dalam asas, telah menyebabkan kebimbangan," tambahnya.

Macfarlane juga berkata usaha-usaha untuk menyelamatkan sistem kewangan antarabangsa mungkin masih goyang.

"Adalah trajis jika kegagalan kita untuk memperbaharui sebuah pasaran modal antarabangsa yang tidak stabil mengakibatkan kembalinya dasar-dasar memandang ke dalam di dalam perdagangan barangan dan perkhidmatan antarabangsa," beliau menegaskan.

Beliau menuduh Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) melampaui garisan di dalam syarat-syarat yang digunanya kepada pakej penyelamat bagi negara-negara yang terjejas oleh krisis ekonomi Asia, sambil menambah bahawa terdapat keperluan untuk penilaian semula asas peranan agensi-agensi seperti IMF dan the Bank of International Settlements.

-- BERNAMA

NDC DVS OS